

Covid-19: Vaksinasi kanak-kanak usia 5 hingga 11 tahun bermula esok



PROGRAM vaksinasi untuk remaja di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya, Januari lalu. FOTO Danial Saad

Kuala Lumpur: Pemberian vaksin Covid-19 untuk kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kanak-kanak (PiCKids) akan bermula esok di Lembah Klang sebagai permulaan.

Menjelang pelaksanaan PiCKids esok, jumlah kanak-kanak dalam lingkungan usia itu yang mendaftar untuk menerima vaksin Covid-19 sudah mencecah 517,107 orang, setakat semalam.

Data itu dikongsikan Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin dalam ciapan di Twitter hari ini yang antara lain memaklumkan bagi kawasan Lembah Klang, kira-kira 47,500 kanak-kanak di Kuala Lumpur, lebih 3,400 di Putrajaya dan lebih 131,500 di Selangor sudah mendaftar dalam PiCKids.

Sementara itu, ibu bapa yang ditemui Bernama hari ini, berpendapat keputusan untuk memvaksin anak mereka adalah sebagai ikhtiar untuk memastikan kanak-kanak selamat daripada kesan jangkitan Covid-19 dan membantu menekan penularan varian baharu.

Selain itu, rata-rata daripada mereka turut memuji proses pendaftaran dan tempahan janji temu vaksinasi yang amat mudah dan cepat menerusi aplikasi MySejahtera, malah teruja untuk membawa anak mereka menjalani proses vaksinasi Covid-19.

Ahmad Sufian Abdul Karim, 46, berkata, dia dan isteri mahukan anak mereka diberikan vaksin Covid-19 seperti vaksin lain yang disarankan oleh pakar perubatan bagi mencegah jangkitan penyakit berjangkit.

Katanya, dia membuat tempahan janji temu vaksinasi anak lelakinya yang berusia lima tahun sebaik sahaja menerima notifikasi vaksinasi di MySejahteranya semalam.

"Lepas dapat SMS (khidmat pesanan ringkas) vaksinasi anak, saya terus buat tempahan slot janji temu di MySejahtera...proses lancar dan mudah. Anak dapat vaksin pada Sabtu ini," katanya yang sudah lengkap menerima suntikan vaksin Covid-19 dan dos penggalak.

Senada dengannya Fong Yee Zie, 38, berkata, dua anaknya masing-masing yang akan menerima vaksin pada Ahad ini percaya vaksin adalah langkah terbaik untuk melindungi diri daripada jangkitan wabak itu.

Sementara itu, suri rumah Aula Mohamad Fauzi, 31, berkata walaupun anaknya masih belum layak menerima vaksin Covid-19, dia menyokong saranan untuk memvaksin kanak-kanak, malah beliau muhku memastikan anaknya turut mendapatkan vaksin itu apabila sudah layak.

"Saya yakin dengan saranan semasa KKM (Kementerian Kesihatan). Saya yakin, vaksin terbaik dalam membina ketahanan sekarang ini. Saya faham ada risiko kesan sampingan, tapi kesan Covid-19 mengatasi risiko (vaksin)," katanya.

Dalam pada itu, semakan di media sosial mendapati rata-rata ibu bapa yang menerima notifikasi vaksinasi anak mereka, berkongsikan keterujaan serta tangkap layar tempahan janji temu vaksinasi, selain turut mencadangkan kerajaan meningkatkan promosi serta panduan untuk pendaftaran PICKids menerusi aplikasi itu.

Pengguna Twitter @faraferra9 menciap : "Done (daftar vaksin kanak-kanak)...semoga dapat memberi manfaat dan ada asbab kebaikan, amin. #PICKids,".

Seorang lagi pengguna Twitter @syikinyunusMD menciap: "Alhamdulillah, received date for my son's#PICKids. Taking this step to protect my son from #COVID, #LongCovid & MIS-C,".

Terdapat juga ibu bapa yang belum bersedia untuk memvaksin anak mereka, sebaliknya berpendirian untuk tunggu dan lihat dengan perkembangan semasa proses PICKids termasuk laporan kesan sampingan vaksinasi kanak-kanak.

Bagi penjawat awam, Farhah P Ramlee, 38, berkata, buat masa ini dia belum lagi mendaftarkan anaknya untuk vaksinasi Covid-19 tetapi akan mempertimbangkannya.

Pengurus jualan Ahmad Ghazi Fadillah, 42 , juga mengambil pendekatan sama bagi anaknya yang berusia enam tahun kerana kuatir anaknya tidak dapat menanggung kesan sampingan seperti yang dialaminya selepas mendapat dos kedua vaksin bulan lalu.

Menerusi PICKids, dianggarkan empat juta kanak-kanak dalam lingkungan usia berkenaan layak menerima vaksin dan vaksin mRNA iaitu Comirnaty 10mcg Concentrate for Dispersion (Pfizer-BioNTech) akan digunakan.

Terdapat tiga Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Kids (PPVKids) boleh dipilih ibu bapa semasa menempah slot janji temu vaksinasi anak mereka di MySejahtera iaitu PPV di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur dan Axiata Arena Bukit Jalil , Kuala Lumpur serta Pusat Konvensyen IDEAL (IDCC) Shah Alam, Selangor, bermula esok.

Selain itu, terdapat 24 lagi PPVKids di sekitar Lembah Klang boleh dipilih untuk vaksinasi kanak-kanak bermula 5 Feb dan senarai PPV itu boleh disemak di laman web rasmi atau laman media sosial Pasukan Petugas Khas Imunisasi Covid-19 (CITF).

Disiarkan pada: Februari 2, 2022 @ 5:49pm